

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 FEBRUARI 2020

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 24

PM umum pakej rangsangan ekonomi

Langkawi: Pakej rangsangan ekonomi menangani impak akibat wabak Covid-19 yang akan diumumkan kerajaan Khamis depan dijangka menjanjikan khabar gembira.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah yang memberi gambaran itu bagaimanapun meminta semua pihak menunggu pengumuman dibuat Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Kita boleh jangka macam-macam, tapi kena tunggu 27 Februari ini dan tidak wajar bagi saya memperincikan lebih daripada itu.

“Insya-Allah Perdana Menteri akan mengumumkannya nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Surat Kelulusan Projek Kecil Komuniti Fasa 1/2020 di Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di sini, semalam.

Amiruddin berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkan Perdana Menteri kelak.

